

# 'Kita mahu anak kita membesar dengan bahagia'

► Sebagai ibu bapa, kita perlu memahami kehendak anak-anak: Dr Ramzah

UB 31.7.2019 B2

**S**EBAIK sahaja Timbalan Naib Canselor (Bahagian Penyelidikan dan Inovasi) UMS Prof Madya Dr Ramzah Dambul tiba, lapan pemuzik yang terdiri daripada murid-murid SK Ulu Kukut memalu gong dan menitik kulintang, sementara lapan penari bergerak lemah gemalai mempersembahkan tarian Mongigol.

Pagi Sabtu 20 Julai itu cerah. Dewan Terbuka SK Ulu Kukut dipenuhi oleh ibubapa pelajar dan masyarakat sekitar SK Ulu Kukut selain daripada murid-murid sekolah berkenaan, semata-mata untuk menyertai program Ceramah Motivasi UPSR dan Majlis Penutupan Bengkel Teknik Menjawab UPSR 2019.

Sambutan penuh mesra kepada tetamu itu, dengan muzik dan tari tradisional yang mengasyikkan itu jarang kelihatan di sekolah lain, namun ia merupakan suatu hal yang biasa di sekolah itu. Murid-murid, dengan galakan ibu bapa dan sokongan guru-guru diajar untuk mempertahankan jati diri mereka.

"Dalam Naratif Baharu Amalan Pendidikan, kita mahu anak-anak kita membesar dengan bahagia. Kita perlu memastikan mereka belajar dalam



DR Ramzah disambut oleh murid-murid SK Ulu Kukut, yang juga bertindak sebagai penari Mongigol.

suasana gembira, tanpa tekanan dan desakan. Sebagai ibu bapa, kita perlu memahami kehendak anak-anak.

"Dunia sekarang adalah dunia mereka, bukan dunia kita lagi. Bukan sebab pendidikan yang kita kecapi dahulu tidak betul, tetapi semua perlu berubah demi kesesuaian zaman," jelas Dr Ramzah, semasa memberi ceramah bertajuk 'Kepentingan Pendidikan Dalam Masyarakat', dalam slot kedua.

Katanya, dalam naratif pendidikan dahulu, ibubapa sering memaksa anak-anak mereka untuk menjadi 'seseorang' yang mereka



DR Ramzah (bertopi) bergambar bersama warga SK Ulu Kukut dan ahli PIBG sekolah berkenaan.

inginkan demi menjaga nama keluarga di dalam pandangan masyarakat, sedangkan anak-anak dilahirkan dengan bakat dan kebolehan yang tertentu.

Tambah Dr Ramzah, pendidikan baharu dipacu oleh nilai yang berada di dalam diri seseorang. Bagaimanapun katanya, pembelajaran di sekolah adalah sesuatu yang amat penting dalam kehidupan, namun pendekatannya perlu diubah mengikut kehendak semasa.

"Gagasan Naratif Baharu Amalan Pendidikan ialah bagaimana kita memandu anak-anak kita untuk belajar dengan bahagia dan

gembira. Apabila timbul perasaan tersebut, nescaya kita bakal melahirkan insan yang hebat dalam apa juga bidang yang ia ceburi.

"Tiada gunanya kita melahirkan seorang doktor, andai jiwanya tidak menghayati tugas seorang doktor. Malahan dengan memaksa anak-anak mengikuti kehendak kita, kita sebenarnya melahirkan orang yang tidak gembira. Orang yang tidak gembira sukar untuk menghormati

sekolah luar bandar yang paling ideal untuk program ini. Apabila saya ke sini tempoh hari, saya melihat sekolah ini mempunyai ciri-ciri tersendiri yakni kerjasama antara ibu bapa dan sekolah begitu rapat. Penduduk di sini pula kebanyakannya beragama Kristian.

"Namun yang paling membanggakan, sebuah bilik untuk kegunaan beberapa orang pelajar Islam di sekolah ini telah



DR Ramzah Dambul menyampaikan sijil dan cenderamata kepada Rainy, sambil disaksikan oleh Norawi.



GENERASI penerus kebudayaan dari SK Ulu Kukut.



Rainy memberikan ceramah motivasi kepada ibu bapa dan murid-murid pada program itu.

diciwujudkan. Difahamkan, rakan-rakan yang beragama Kristian inilah yang menjalankan kerja-kerja pembikinan bilik itu sehingga siap," jelasnya.

Justeru tambah Dr Ramzah, situasi sedemikian amat sesuai dengan program yang bakal dijalankan kerana ia berkait rapat dengan penerimaan penduduk terhadap suasana pembelajaran baharu yang dijalankan melalui program berdasarkan sains dan teknologi itu.

"Saya mahu penyelidik dari UMS datang ke sini untuk melihat dan menyelidik tentang kehidupan bahagia penduduk di sini, kerana tempoh program ini adalah antara tiga hingga lima tahun. Jika program ini berjaya, kita akan membawanya ke sekolah-sekolah lain di seluruh Sabah," katanya.

"Bagi pihak sekolah, kami amat berterimakasih atas pemilihan sekolah ini sebagai sekolah pertama yang menjalankannya.

Kami tidak akan sia-siaakan peluang keemasan ini, yang membawa banyak manfaat kepada murid-murid di sini," kata Guru Besar SK Ulu Kukut Norawi Haji Kata.

Tambahnya, program berkenaan juga bakal memberi impak positif kepada penduduk di sekitar Ulu Kukut terutamanya dalam bidang kebudayaan dan pelancongan, apatah lagi UMS bakal menyediakan segala keperluan demi menjayakan program yang julung-julung kalinya diadakan itu.

"Waktu untuk menggunakan sains dan teknologi sebagai kaedah memperkisasen pendidikan telah tiba. Saya yakin program ini mampu mengerakkan prestasi sekolah ke arah lebih cemerlang. SK Ulu Kukut juga bakal menjadi ikon kepada sekolah lain kerana program ini pasti berjaya di sini," katanya yakin.

Program berkenaan turut dihadiri oleh Yang Dipertua PIBG SK Ulu Kukut Mokilou Rudin, Munsyi Sastera DBP, Ramli AR dan Team Gagau sebuah kumpulan kreatif berlandaskan media alternatif yang diwakili



DR Ramzah ketika memberi ceramah motivasi.



DR Ramzah berbual-bual dengan murid-murid SK Ulu Kukut, sambil diperhatikan oleh Mokilou.

